

katakan muslim saja). Aku diam pula sejenak, namun pengetahuanku tentang orang itu menguasaiku lagi lalu aku kembali mengulangi kata-kataku dan Rasulullah SAW (juga) mengulangi kata-katanya. Kemudian Baginda SAW bersabda: "Wahai Sa'ad, sesungguhnya aku memberikan (sesuatu) kepada seseorang padahal ada orang lain yang lebih kusenangi kerana takut Allah akan menghumbannya ke dalam neraka".

Yunus, Shaleh, Ma'mar dan anak saudara al-Zuhri juga telah meriwayatkan hadits ini dari Al-Zuhri.

بَابُ إِفْشَاءِ السَّلَامِ مِنَ الْإِسْلَامِ وَقَالَ عَمَّارٌ ثَلَاثُ مَنْ جَمَعَهُنَّ فَقَدْ جَمَعَ الْإِيمَانَ الْإِنْصَافُ مِنْ نَفْسِكَ وَبَذَلَ السَّلَامُ لِلْعَالَمِ
وَالْإِقْفَاقُ مِنَ الْإِقْتَارِ

Bab 20 : Menyebar-luaskan salam adalah sebahagian daripada (ajaran) Islam.

'Ammar berkata: "Tiga perkara, sesiapa yang dapat mengumpulkan ketiga-tiga perkara itu, bererti dia telah mengumpulkan Iman yaitu (pertama) berlaku `adil terhadap dirimu (sendiri) / ^{atau} menginsafi dirimu (sendiri), (kedua) menyebar-luaskan salam ke seluruh `alam dan (ketiga) berbelanja di jalan Allah meskipun dalam kesempitan.

٢٩ - دَنَا قُتَيْبَةُ قَالَ حَدَّثَنَا اللَّيْثُ عَنْ يَزِيدَ بْنِ أَبِي حَبِيبٍ عَنْ أَبِي الْخَيْرِ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو ﴿ أَنَّ رَجُلًا سَأَلَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَيُّ الْإِسْلَامِ خَيْرٌ؟ قَالَ تَطْعَمُ الطَّعَامَ وَتَقْرَأُ السَّلَامَ عَلَى مَنْ عَرَفْتَ وَمَنْ لَمْ تَعْرِفْ ﴾
ucap kary

27- Qutaibah telah meriwayatkan kepada kami, katanya, al-Laits telah meriwayatkan kepada kami dari Yazid bin Abi Habib dari Abi al-Khair dari 'Abdillah bin 'Amar bahawa ada seorang lelaki bertanya Rasulullah SAW, katanya: "Apakah ajaran Islam yang paling baik?". Nabi SAW bersabda: "Memberi makanan dan memberi salam samaada kepada orang yang engkau telah kenal atau belum (kepada semua orang)."

باب كُفْرَانِ الْعَشِيرِ وَكُفْرٍ دُونَ كُفْرٍ فِيهِ عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Bab 21 : Tidak mengenang budi suami dan kekufuran di bawah kekufuran. Berhubung dengan perkara ini ada riwayat dari Abi Sa'id al-Khudri dari Nabi SAW.

٢٨ - دَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُسْلَمَةَ عَنْ مَالِكٍ عَنْ زَيْدِ بْنِ أَسْلَمَ عَنْ عَطَاءِ بْنِ يَسَارٍ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ ﷺ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أُرِيتُ النَّارَ فَإِذَا أَكْثَرُ أَهْلِهَا نِسَاءُ يَكْفُرْنَ . قِيلَ أَيْ كُفْرُنَ بِاللَّهِ ؟ قَالَ يَكْفُرْنَ الْعَشِيرَ وَيَكْفُرْنَ الْإِحْسَانَ لَوْ أَحْسَنْتَ إِلَى إِحْدَاهُنَّ الدَّهْرَ ثُمَّ رَأَتْ مِنْكَ شَيْئًا قَالَتْ مَا رَأَيْتُ مِنْكَ خَيْرًا قَطُّ

28- 'Abdullah bin Maslamah telah meriwayatkan kepada kami dari Malik dari Zaid bin Aslam dari 'Atha' bin Yasaar dari Ibni 'Abbaas, katanya: Nabi SAW bersabda: "Ditunjukkan kepadaku neraka, rupa-rupanya kebanyakan penghuninya ialah perempuan. Mereka kufur. Baginda SAW ditanya: "Adakah mereka kufur kepada Allah?". Nabi SAW menjawab : "Mereka kufur kepada suami, mereka kufurkan ihsan (budi dan jasa baik suami). Kalau engkau berbudi kepada seseorang daripada mereka untuk satu jangka masa yang lama, kemudian dia nampak sesuatu (yang tidak disenangi) padamu, dia akan berkata: "Tidak pernah kudapat apa-apa kebaikan pun daripadamu."

باب الْمَعَاصِي مِنْ أَمْرِ الْجَاهِلِيَّةِ وَلَا يَكْفُرُ صَاحِبُهَا بِإِرْتِكَابِهَا إِلَّا بِالشِّرْكِ لِقَوْلِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّكَ أَمْرٌ فِيكَ جَاهِلِيَّةٌ وَقَوْلِ اللَّهِ تَعَالَى (إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ) وَقَوْلُهُ تَعَالَى (وَأَنْ طَائِفَتَانِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ اقْتُلَا فَاصْلَحُوا بَيْنَهُمَا) فَسَمَاهُمُ الْمُؤْمِنِينَ

Bab 22 : Perlakuan ma'shiat adalah sebahagian daripada cara hidup jahilliah. Namun seseorang tidak boleh dikafirkan dengan (semata-mata) melakukannya , kecuali dengan melakukan syirik. Ini kerana Nabi SAW telah bersabda: "sesungguhnya padamu masih ada lagi (sisa-sisa) jahilliah" dan Allah (juga) berfirman: "